

## **Memenuhi Hati Dengan Firman Tuhan (Bible Breakthrough)**

### **Arahan:**

1. Buka rakaman Audio dengan mengeklik pautan. Kamu boleh memuat turun rakaman ini dengan mengeklik 3 butang di tepi file audio.
2. Sambil mendengar Firman Tuhan, ikut pembacaan Firman Tuhan petikan tersebut pada alkitab fizikal atau app alkitab ( Versi alkitab - alkitab versi Borneo). Anda tidak perlu lafaz/baca dengan suara kedengaran, tetapi hanya guna mata untuk ikut setiap baris perkataan sambil mendengar. Jika ada terlepas beberapa baris jangan bimbang, sambung balik sahaja.
3. Jika boleh, Pembacaan Firman Tuhan ini harus dilakukan dalam posisi melutut di hadapan Tuhan.
4. Jika terdapat mana-mana ayat Firman Tuhan yang menyentuh hati kamu, kamu boleh hentikan rakaman, catatkannya dan kembali merenungkannya selepas sesi pembacaan.
5. Benarkan diriMu dipenuhi Firman Tuhan dan nikmati hadirat Tuhan, fokus utama cara Pembacaan Firman Tuhan ini adalah untuk memenuhi diri anda dengan Firman Tuhan, jadi jangan bimbang jika kamu tidak mampu memahami ayat- ayat firman itu.
6. Seperti yang dikongsikan, Cara membaca Firman Tuhan ini bertujuan memenuhi hati kita dengan Firman Tuhan. Ia hanya salah satu cara yang khususnya digunakan utnuk membenarkan Cahaya Tuhan memenuhi hati kita melalui FirmanNya. Anda masih perlu teruskan membaca Firman Tuhan melalui disciplin renungan dan mengkaji Firman Tuhan.
7. Cara membaca Firman Tuhan ini biasanya digunakan bersama Doa CTP ( Doa transformasi Dalam Kristus). Minta Roh Kudus membantu kamu dan mengkuduskan kamu dalam proses ini. Semasa pembacaan, dengan pimpinan Roh Kudus, kamu mungkin akan ingat kembali satu peristiwa/kisah/emosi negatif/dosa yang perlu dibawa ke hadapan Tuhan untuk bertaubat/diserahkan kepada Yesus.Jika ia berlaku, kamu boleh catatkan kemudian ambil sedikit masa berdoa mengikut cara CTP selepas pembacaan. Jika ia terlalu susah untuk diproses, catatkannya dan bagitau pembimbing doa kamu.

---

Dalam Tahap 1 Program Memenuhi hati dengan Firman Tuhan, kamu akan mendengar sambil membaca Firman Tuhan sebanyak 60 sesi. (Ingat tidak perlu sebut perkataan, ikut saja dengan mata sambil dengar)

Kamu akan membaca Yohanes ( sesi 1) Dan Roma, efesus dan ibrani ( sesi 2) secara selang seli. (Kelajuannya agak cepat tapi jangan bimbang, ikut saja, lama kelamaan kamu akan dapat tangkap dengan lebih senang lagi)

- Sesi sesi akan dilakukan sebanyak 60 Kali seperti berikut
- Sesi 1 (kira-kira 1 jam) - Injil Yohanes ( ikut arahan di atas)
- Sesi 2 (kira-kira 1 jam) - Roma, Efesus, ibrani ( ikut arahan di atas)
- Sesi 3 (kira-kira 1 jam) - Injil Yohanes ( ikut arahan di atas)
- Sesi 4 (kira-kira 1 jam) - Roma, Efesus, ibrani ( ikut arahan di atas)
- Dan sebagainnya .... sampai 60 sesi habis.

ini tahap 1. Anda boleh buat 1 sesi sehari atau 2 sesi sehari terpulang kepada pengaturan masa anda. Cuba untuk berkomitmen dalam pembacaan Firman Tuhan ini, jika terdapat 1 atau 2 hari di mana kamu terlepas buat, kamu boleh teruskan pada hari berikutnya, tetapi cuba sedaya upaya untuk taat setia membaca setiap hari. Tuhan berkat!